

15/09/2003

Hanya jauhari kenal manikam

KONSERT ghazal-zapin bersama Datuk Sharifah Aini di Istana Budaya (IB) sudah selamat dianjurkan minggu lepas. Saya anggap ia konsert yang sungguh berjaya kerana mampu memberikan kepuasan kepada semua penonton selama empat malam berturut-turut (termasuk satu persembahan bonus pada malam terakhir).

Aduhhh... ramai betul hardcore fans Kak Pah yang datang bertandang. Bukan saja yang sudah dewasa, tetapi saya lihat adik-adik kecil yang duduk di ribaan ibu ayah mereka juga tidak berkelip mata. Maklumlah, kebetulan ada pula kemunculan budak-budak bermain muzik ghazal dan menari zapin, maka seronoklah adik-adik kecil menonton aksi kawan seusia mereka itu.

Di celah penonton, ada juga wajah penonton Cina dan Inggeris yang kelihatan excited mendengar alunan suara Kak Pah, persembahan muzik serta koreografi tarian yang kita tonjolkan. Mereka nampaknya terpegun dan membuka mata.

Selain itu, kerabat diraja termasuk dari Brunei Darussalam dan beberapa pemimpin negara sempat meluangkan masa untuk sama-sama berhibur dan memberi sokongan moral. Malah pada malam finale, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut meluangkan masa menonton konsert bersejarah itu.

Saya tahu selama ini pemimpin yang kita sayangi itu juga salah seorang peminat suara lunak gemersik Kak Pah. Sebaik saja biduanita itu selesai menyanyi, Dr Mahathir dan isteri turut bertemu beliau untuk mengucapkan tahniah bersama tetamu kehormat lain.

Dalam keasyikan melihat Kak Pah mahupun yang lain beraksi di pentas, sesekali, saya juga mencuri pandang ke arah penonton. Ternampak kelibat M Nasir (dia seakan tersenyum setiap kali Kak Pah menjerit oouuuu!!), Jalaluddin Hassan, Datin Suliza Salam, Aishah (Janji Manismu), Louisa Chong, Dayang Sulu dan Noraniza Idris.

Bagi saya semua yang tergambar itu membuktikan hanya jauhari yang boleh mengenal manikam. Kalau tahu sesuatu persembahan itu berkualiti, sesibuk mana pun, kita akan cuba luangkan masa untuk menikmatinya.

Kalau hendak diberikan kredit, tidak dinafikan konsert ghazal-zapin itu berjaya bukan saja disebabkan komitmen semua artis, pemuzik serta penari tetapi kerana sokongan Kerajaan Johor, Yayasan Warisan Johor dan IB.

Jelas terlihat, dengan kesungguhan dan usaha serius semua terbabit, budaya lama yang kita sanjung tinggi akhirnya dapat diangkat ke tahap yang lebih berprestij. Seharusnya, kerajaan negeri lain serta badan budaya masing-masing patut mengambil sikap proaktif seperti Johor. Bukan semestinya selalu, kalau dapat setahun sekali dua pun sudah cukup bagi badan budaya di negeri lain menganjurkan konsert seperti itu.

Bukankah kita mempunyai harta pusaka yang hebat dari Selangor, Pahang, Melaka, Perak dan Pulau Pinang, malahan semua negeri lain?

Selangor misalnya, sebuah negeri paling kaya dan makmur, boleh memikirkan langkah selanjutnya untuk membolosi IB dengan khazanah seni mereka. Sekurang-kurangnya, akan terisilah Panggung Sari dengan bahan yang terbaik demi diseimbangkan dengan persembahan import setiap tahun.

Bagaimanapun, perancangan haruslah dibuat lebih awal kerana IB juga ada kalender persembahannya. Buatlah kertas cadangan dengan kemas dan rasa saya, Dr Hatta Azad Khan bukannya tidak boleh berkompromi dengan hal yang membawa kebaikan. Betul tak?

Baiklah, berbalik kepada Kak Pah kita, ramai yang sudah mendengar permintaan dan hajat hatinya untuk menjadi duta negara bagi mempromosikan irama etnik Melayu sebegitu di luar Malaysia. Hajat itu diluahkan di depan Perdana Menteri dan semua peminatnya pada malam final itu.